

Pahang bina laluan khusus bawa bauksit

» Jalan raya 5km elak udara tercemar di kawasan perumahan, kampung

Oleh Nik Sukry Ramli dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

■ Sepang

Kerajaan Pahang akan membina laluan khusus untuk mengangkut bauksit dari Bukit Goh ke Pelabuhan Kuantan bagi mengelak pencemaran udara di kawasan perumahan dan perkampungan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata pembinaan jalan sepanjang lebih 5 kilometer (km) itu adalah cadangan kementeriannya kepada kerajaan negeri.

Katanya, cadangan itu dipersempit Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaacob dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sempena lawatan ke kawasan pelabuhan berkenaan, kelmarin.

"Selain itu, bagi mengelakkan pencemaran udara, Kementerian Pengangkutan akan mengeluarkan garis panduan berhubung penggunaan lori tertutup untuk mengangkut bauksit."

"Malah, pemandu (lori) di laluan berkenaan tidak boleh memandu melebihi had laju 60 kilometer sejam," katanya pada sidang media mengenai Status Pelaksanaan Moratorium Ke Atas Aktiviti Perlombongan dan Pengekspортan Bauksit di Pahang di sini, semalam.

Larangan bawa di jalan raya
Sebelum ini, Kabinet memutuskan untuk mengenakan mo-

ratorium ke atas kegiatan perlombongan dan eksport bauksit di Pahang selama tiga bulan bermula 15 Januari lalu.

Antara keputusan yang dibuat sepanjang pelaksanaan moratorium ialah larangan pergerakan lori membawa bauksit di jalan raya.

Wan Junaidi berkata, Pelabuhan Kuantan juga memberi jaminan untuk mengeluarkan baki 1.4 tan metrik simpanan bauksit dari seluruh Kuantan dalam tempoh sebulan setengah lagi.

"Jika perkara itu tidak dapat diselesaikan dalam tempoh ditetapkan, permasalahan ini akan dibentang dalam Kabinet untuk diputuskan sama ada tempoh moratorium itu akan dilanjutkan atau tidak," katanya.


Beliau berkata, satu prosedur operasi standard (SOP) baharu akan dikeluarkan kementeriannya yang akan diguna pakai selepas tempoh moratorium tamat.

SOP itu meliputi pelbagai aspek termasuk pengurusan di tempat pengekstrak bauksit, pengangkutan, pengurusan baki bauksit di dalam dan luar pelabuhan serta prosedur pengeluaran Permit Eksport bagi bauksit.

"Jadi, kita menaruh arahan Jabatan Alam Sekitar (JAS) melakukan penyiasatan secara menyeluruh mengenai pencemaran atau kemerosotan mutu alam sekitar dan sejauh mana ia menjelaskan ekonomi petani serta peladang," katanya.

Pelaksanaan moratorium
Di Kuantan, Wan Junaidi berkata, semua agensi bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan moratorium operasi bauksit melakukan tugas mereka dengan baik.

Katanya, beliau berpuas hati dengan kerja pembersihan kawasan terbabit dengan aktiviti perlombongan bauksit dan operasi pemantauan yang dilakukan agensi berkenaan serta kerajaan negeri.



Wan Junaidi (dua dari kiri) bersama Adnan (kiri) melawat kawasan pengumpulan bauksit di Pelabuhan Kuantan, kelmarin.
(FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH)